

08 OCT 2003

Berkayak-PM

KU FAUZI BERJANJI KEJAYAANNYA BERKAYAK SOLO HADIAH PM

PORT DICKSON, 8 Okt (Bernama) -- Ku Fauzi Ku Husain yang berkayak secara solo dari Tanjung Piai, Johor ke Kuala Perlis sejauh 800 km berjanji akan menghadiahkan kejayaannya mengharungi cabaran itu kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan bersara pada akhir bulan.

Katanya cabaran berkayak ini sebagai tanda penghargaan beliau kepada Dr Mahathir yang telah memimpin negara selama 22 tahun.

"Ini sahajalah hadiah yang dapat saya berikan kepada Perdana Menteri dan saya yakin dapat melakukannya," katanya kepada pemberita sebelum memulakan cabaran berkayak dari pantai Port Dickson ke pantai Bagan Lalang, Selangor sejauh 30 km di sini, hari ini.

Walaupun terpaksa menghadapi ombak dan angin kencang namun faktor itu tidak akan mematahkan semangat beliau untuk menamatkan cabaran ini.

Ku Fauzi, 52, yang berasal dari Kampung Belukar, Arau, Perlis mempunyai 10 orang anak dan seorang cucu.

Beliau mula berkayak sejak 1 Okt lepas dan dijangka menamatkan ekspedisi itu pada 22 Okt ini dan akan berhenti untuk berehat di 22 tempat persinggahan.

Setakat ini Ku Fauzi telah melalui tiga perairan di Johor, Melaka dan Negeri Sembilan dan sampai ke tempat persinggahan ke-7, di Port Dickson petang semalam.

Sepanjang cabaran berkayak itu yang ditaja sepenuhnya oleh anggota Dewan Undangan Negeri Johor, Datuk Darus Salim Bulin, beliau diiringi bot penyelamat polis marin.

Keinginan beliau untuk berkayak telah mendapat galakan daripada keluarganya dan masyarakat setempat di kampung isterinya di Kampung Si Mat, Johor, Negeri Sembilan.

-- BERNAMA

RP BK